

Mangsa banjir meningkat, hujan reda

Lebih 3,500 penduduk dipindahkan

**SUHAIZA ABU BAKAR,
NORAIZURA AHMAD,
ZAIMATULJUWITA,
NOOR AZLIDA ALIMIN &
ROSALWANI CHE SOH**

KOTA BHARU - Mangsa banjir di Kelantan meningkat kepada 3,570 orang, walaupun beberapa pusat pemindahan di Bachok, Pasir Puteh dan Tanah Merah ditutup apabila keadaan banjir di kawasan itu hampir pulih, semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan berkata, secara keseluruhan keadaan banjir di negeri ini semakin pulih, walaupun 23 pusat pemindahan melibatkan daerah Pasir Mas, Kota Bharu dan Tumpat masih dibuka.

"Keadaan cuaca cerah semalam dengan kadang kala hujan renyai menyebabkan air di beberapa kawasan

mulai surut," katanya ketika dihubungi, semalam.

Dalam pada itu, portal e-ebanjir.kelantan.gov.my melaporkan pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Geting, Pengkalan Kubor, Tumpat dibuka jam 5 petang semalam dengan menempatkan 132 mangsa dari Kampung Simpangan dan menjadikan jumlah pusat berkenaan tiga di Tumpat.

Seramai 2,136 mangsa kini berada di 14 pusat pemindahan banjir di Pasir Mas, 1,278 mangsa dari 394 keluarga di tiga pusat pemindahan di SK Pengkalan Kubor 1 dan 2 serta SK Geting, Tumpat dan 176 mangsa di Kota Bharu masih ditempatkan di lima pusat pemindahan daerah itu.

Sementara itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

mencatatkan walaupun masih paras bahaya, air Sungai Golok di Rantau Panjang semakin surut berbanding kelmarin dengan bacaan 10.13 meter semalam (10.32 meter kelmarin). Sungai lain kini kembali pada paras normal.

Beberapa laluan masih ditutup untuk kenderaan ringan sejak Khamis lalu termasuk Jalan Tendong-Bunut Susu-Gelang Mas, Pasir Mas, Jalan Rantau Panjang-Panglima Bayu di Kampung Kajang, Pasir Mas dan Jalan Cabang Empat/Kampung Jambu/ Meranti di Kampung Jambu, Tumpat.

Jalan Pangkalan Rakit di Kampung Padang Licin, Pohon Tanjung-Rantau Panjang (jalan lama)-Kampung Siram dan Pohon Tanjung-Meranti di hadapan Klinik



● Kenderaan terpaksa meredah banjir yang melanda Kelantan kali ketiga di Kampung Tok Deh, semalam.

Meranti juga ditutup.

Kementerian Pelajaran mengarahkan semua sekolah yang dijadikan pusat pemindahan memberikan segala kemudahan yang diperlukan bagi membantu mangsa banjir di negeri ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Abdul Ghafar Mahmud

berkata, setakat ini lapan sekolah di Negeri Kelantan dijadikan pusat pemindahan bagi menempatkan mangsa banjir dan ia membabitkan sekolah di daerah Pasir Mas, Tumpat, Kota Bharu dan Pasir Puteh.

"Kita berharap Jabatan Pelajaran negeri meman-

tau semua sekolah dilanda banjir. Jika sudah pulih daripada banjir pihak sekolah harus segera membuka sekolah berkenaan bagi mengelak pelajar tercicir," katanya ketika melawat beberapa sekolah yang ditutup ditenggelami banjir di Rantau Panjang.